

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 44 RABU 29 OKTOBER, 1969 1389 رابو 17 شعبان PERCHUMA



ISTIADAT2 MENERIMA TANDA DAN PERTUNANGAN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI. — Istiadat menerima tanda dan pertunangan di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah berlangsung di-Istana Darul Hana pada minggu lepas.

Istiadat menerima tanda telah di-adakan pada hari Khamis, 23 Oktober sementara Istiadat menerima pertunangan di-adakan pada hari Juma'at 24 Oktober.

Dua buah gambar ini menunjukkan ketika berlangsung Istiadat2 Menerima Tanda dan Pertunangan Di-Raja di-Istana Darul Hana.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ialah puteri sulong kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Bagawan Raja.

Istiadat persandingan di-raja akan di-adakan di-Balai Singahsana, Istana Darul Hana pada hari Khamis 6 November.

Perayaan perkahwinan di-raja itu telah di-mulakan dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga2 di-Istana Darul Hana pada 23 Oktober.

Pekarangan Istana ada-lah terbuka kepada orang ramai dari jam 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam untuk menyaksikan berbagai pertunjukkan dan permainan.

Sembilan buah persatuan belia di-Daerah Brunei Muara akan mementaskan berbagai2 persembahan sa - bagai sa-bahagian dari acara2 sambutan Perayaan Perkahwinan Di-Raja itu.

Persembahan itu yang di-anjarkan oleh Jawatankuasa Istiadat Perkahwinan Di-Raja dari Persatuan2 Belia ada-lah di-bawah arahan Jawatankuasa Kerja Istiadat Perkahwinan Di-Raja.

Persembahan yang sama juga akan di-adakan di-halaman rumah Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar di-Batu 2 Jalan Muara pada 5, 7 dan 9 November, 1969 mulai pukul 8.00 malam.

Persembahan2 itu termasuk derama, tarian2 dan nyanyian2 asli.

PERUBAHAN PELAYARAN BAKAL2 HAJI

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa Penasihat Jama'ah Haji Brunei telah menemuduga sa-ramai 16 orang yang memohon jawatan sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji Kehormat dalam kapal laut dan kapal terbang dalam musim haji tahun hadapan.

Empat orang chalon akan dipilih bagi jawatan Pegawai Kebajikan dalam kapal terbang dan sa-orang dalam kapal laut.

Chalon2 yang terpilih akan diberikan tambang perchuma pergi dan balek oleh Sharikat penerbangan dan sharikat perkapalan sementara alaan sara hidup di-tanggung oleh kerajaan.

Sementara itu, sa-orang juruchakap Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, penerbangan pertama yang membawa Jama'ah Haji Brunei akan berlepas dari Labuan menuju ka-Jeddah pada 27 Januari dan bukan pada 29 Januari, 1969 seperti yang telah di-umumkan dan penerbangan kedua pada 31 Januari dan bukan pada 2 Februari.

Juruchakap itu juga meminta Jama'ah2 Haji dari Daerah Brunei-Muara yang belayar dengan kapal laut yang belum lagi menyerahkan wang tambang dan bank draft supaya menyerahkan-nya kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan sa-beberapa chepat yang mungkin.



Pesurohjaya Tinggi sampaikan sijil2 pertolongan chemas

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair akan menyampaikan sijil2 pertolongan chemas kepada anggota2 Pasokan Pandu Puteri Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri pada hari ini jam 4.30 petang di-Ibu Pejabat Palang Merah, Jalan Ong Sum Ping.

Puan Adair yang menjadi Pesurohjaya Pandu Puteri Brunei juga akan hadir di-upacara itu.

Renchana ini ada-lah kandungan sharahan khas oleh Awang Abd. Hamid bin Bakal, M. A. (Azhar) Penguasa Pelajaran Ugama Islam, Brunei yang di-sampaikan beliau ketika peraduan membaca Al-Quran perengkat sa-negeri Brunei yang berlangsung dalam minggu lalu.

Sharahan ini amat baik untuk menjadi renongan orang2 muda Islam, pada menyedari hakikat yang harus di-perhatikan dalam menempoh kehidupan sa-bagi umat Islam di-zaman yang serba moden ini.

Atas persetujuan beliau bagi penyiaran kandungan sharahan beliau itu dalam akhbar ini, maka kita ucapkan terima kasih tidak terhingga — Pengarang.

DALAM sharahan saya pada malam ini saya tidak akan menyentuh perkara di-atas, apa yang ingin saya nyatakan pada malam ini ada-lah berhubung dengan soal "Ibadah Sembahyang Dalam Islam".

Menurut Ilmu Penyelidikan tentang usia hidup manusia yang dikenal dengan nama GERONTOLOGY termasuk dalam salah satu aliran ilmu perubatan tetapi termasuk juga dalam aliran ilmu jiwa terutama yang berchorak pendidekan: di-dalam usia berapakah kebanyakan manusia mencapai pangkat yang tinggi atau kedudukan istimewa di-tengah2 masyarakat? Menurut penyelidikan Ilmu Gerontology usia 30 sampai 50 tahun itu-lah kebanyakan jarak usia dalam mana manusia mencapai puncak ka-agongan-nya dalam sa-umur hidup-nya, sedangkan usia 56 ka-atas di-anggap sa-bagai masa terdapat peralihan bagi kekuatan tenaga lahir batin seorang lelaki. Kepada para pemuda dan pemudi bilakah patut beribadat? adakah ibadah Sembahyang, Puasa hanya untuk orang tua yang berusia 40 tahun walau pun pemuda pemudi kita tetap percaya juga kepada Allah dan tetap berpegang dengan Islam.

Saya fikir tidak banyak orang boleh nafikan bahawa sa-tiap kali ada-nya peperangan dan rusohan2, orang2 muda-lah yang kebanyakan-nya menjadi korban. Dalam peperangan dunia kedua bermillion2 anak2 muda Jerman, Italy, Jepon dan lain2 umat manusia telah terkorban. Bahkan semakin tinggi ilmu pengetahuan moden dan semakin bertambah chipta'an moden, alam sains dan teknologi menyerang di-segenap bidang peradaban hidup manusia, kematian orang2 muda bertambah2. Tegas-nya jumlah mati orang2 muda lebih banyak sekali dari orang tua, dan nampak-nya orang2 muda ta'boleh bangga lagi dalam soal kematian. Sa-buah Hadith Rasulullah yang bermaksud-nya: "Telah datang malaikat Jibril kepada ku berkata: ya Muhammad hidup-lah sesuka hati mu, tetapi sadar-lah, kau pasti mati, dan berkaseh sa-yang-lah dengan orang yang kau suka, tetapi sadar-lah bahawa kau pasti berpisah dengan kakaseh mu. Buat-lah yang kau suka, tetapi awas kau pasti dapat ganjaran. Dan ketahui-lah bahawa sa-mulia2 orang mu'min itu bangun beribadat di-waktu malam, dan kemulia'an-nya ia-lah ia-nya tidak berhajat kepada manusia."

Di-dalam sa-buah Hadith yang lain Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksud-nya:

"Awasi-lah 5 perkara sebelum tiba lima perkara: hidup sebelum tiba mati, sehat sebelum tiba sakit, sempurna sebelum tiba chachat, muda sebelum tiba tua, dan kaya sebelum tiba miskin.

Jika kita perhatikan masharakat Islam kita dewasa ini, maseh banyak terdapat anak2 muda kita tidak atau mungkin belum mau menunaikan tugas terhadap Ugama ia-itu kewajiban sembahyang walau pun Kerajaan D.Y.M.M. telah pun berusaha memberikan pendidekan dan pelajaran Ugama serta penerangan2 Ugama sa - chara meluas. Mungkin mereka2 ini sedang menunggu sa-hingga ka-hari tua mereka, dan mungkin ada yang beranggapan bahawa membuat ibadah Sembahyang di-waktu maseh muda itu suatu perkara kolot dan di-anggap belum layak di-buat oleh orang2 muda.

Berdasarkan kepada fakta2 sejarah dan pergolakan dunia sa-hari2, tidak-lah dapat di-nafikan bahawa masa muda remaja ini-lah masa pertum-

bohan rohani dan jasmani. Di-dalam usia antara 15 sampai 21 tahun itu-lah pemuda2 Eropah dan Amerika menubuhkan kumpulan "Happye" atau dengan lain perkata'an muda mudi liar merayau ka-sana sini dengan keadaan tidak senunoh macham manusia di-zaman batu dahulu kala. Kadang2 kita lihat di-dalam akhbar mereka menari dan menyanyi sa-chara bogel di-khalayak ramai.

Ada-lah di-khuatirkan bahawa hambusan angin penyakit liar dan pengaruh2 yang tidak sehat ini akan menjangkiti masyarakat kita dengan ada-nya ka-rengangan anak2 masyarakat kita kepada soal2 yang mesti di-tunaikan terhadap Ugama. Kita umat Islam yang sadar terhadap apa akibat2-nya meninggalkan surohan2 Ugama merasa kurang senang atas gejala ini. Sa-orang penulis besar Eropah yang bernama MATTHEW ARNOLD berkata: dua petiga daripada kehidupan kita di-tentukan oleh kebiasaan kita sendiri.

Jadi kalau kita sa-dari muda sudah biasa meliarkan diri dari surohan Ugama, maka ada-lah nipis kemungkinan yang kita akan dapat mengubah kebiasaan itu walau pun usia sudah meningkat tua nanti.

Sekarang mari-lah kita tinjau apakah erti-nya Ugama Islam sangat memberatkan kewajiban Sembahyang itu.

Tiap2 seorang daripada kita boleh-lah membuat pertanyaan kepada diri kita sendiri sebagaimana satu soalan yang di-buat oleh Quran berbunyi seperti maksud-nya: "Mengapa aku tiada mesti menyembah-nya. Dia yang menjadikan aku

Ibadat sembahyang dalam Islam

Oleh: Awang Abdul Hamid bin Bakal
M. A. (Azhar).



Awang Abdul Hamid

kapada-nya kamu (sekalian) akan di-kembalikan? Barangkali kita tidak boleh menjawab apa2 sa-lain daripada mengaku bahawa kita tidak mempunyai sa-barang sebab mengapa kita tidak mesti menyembah-nya. Sebab segala sesuatu yang ada di-langit dan di-bumi, segala makhluk dan malaikat, binatang2 dan tumbuhan2 semuanya sujud kepada Allah berzikir dan bertasbih memuji2 akan kebesaran-nya. Berkata Mohammad O t h m a n Al-Mirghani: "Kegelapan di-malam hari, keadaan terang bendrang di-waktu siang, sinaran chahaya matahari, desir daun di-pohon kayu dan kochakan suara ayer, semua-nya ini kea'da'an bersujud kepada Allah". Oleh kerana kita ini hanya-lah hamba yang dzaif bagi-Nya apakah dari kekesongan yang tiada, kita telah di-ujudkan untuk membawa nasib berada di-alam yang ujud, maka tiada-lah apa lain yang dapat kita perbuat selain daripada menyertai irama seluruh alam menyembah-nya, Tuhan Rabbil 'Alamin.' Chahaya bagi langit dan bumi."

Sembahyang ada-lah sa-nyata2 bukti bagi sikap tunduk kepada Allah dan ada-lah sapenting2 kewajiban di-dalam Islam serta ada-lah sebagai jalan menuju kesempurnaan.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: "Memuji2 kebesaran Allah (tasbeh), menyatakan kebesaran Allah (takbir) dan membaca Quran (Tilawah) adalah merupakan Sembahyang." Dan sabda-nya lagi yang bermaksud: "Sembahyang ada-lah perbicharaan mesra dengan Tuhan".

Dr. Khalifah Abdul Hakim (dalam Ideologi Islam) meng-

anggap Sembahyang sa-bagai "Perbuatan membuka mata hati bagi menerima chahaya masuk ka-dalam semangat rohani kita".

Ada-pun tujuan2 besar Sembahyang ia-lah: Memperingati dan memuji Allah, yang daripadanya tiada Tuhan lain, membersekan fikiran dan perasaan hati bagi memudahkan penerangan rohani yang Imam Ghazali sifatkan sa-bagai: "Anak kunchi bagi mengetahui rahsia suchi" dan menjulangkan manusia hampir kepada Tuhan.

Mengingati Allah menurut Jalaluddin Rumi ia-lah: kekuatan tenaga, serta bulu dan sayap bagi burung rohani. Hati kita mesti-lah di-gerakkan bagi mengingat Allah dengan sedemikian chara, sa-kira2 dapat menumpulkan otak yang chendrong melupakannya.

Menurut Al-Quran ada menyebutkan: bahawa Sembahyang ada-lah menchehag manusia daripada perbuatan2 yang jahat dan mungkar.

Kerana itu Sembahyang amat-lah perlu untuk kejernihan rohani manusia, sebab itu usaha2 yang tetap dan sentiasa di-jalankan bagi mencapai kesempurnaan boleh menimbulkan suloh y a n g menerangi jiwa yang mana hal ini akan meninggalkan kesan kepada watak manusia.

Sembahyang dapat-lah kita anggap sa-bagai satu perlindungan yang memberikan ketenangan dan ka-damaian di-dalam dunia yang penoh dengan ka-ributan ini. Sembahyang ada-lah ubat suchi bagi menguasai emosi dan mengongkong nafsu. Dengan terhalanya diri kita menghadap Qiblat itu-lah permulaan memberi selamat tinggal kepada segala keinginan nafsu, mengalu2kan suasana tenteram, menutup pintu hati dari segala fikiran jahat dan membataskan gerak geri sa-lain daripada yang di-perlukan untuk Sembahyang, supaya seluruh anggota batin berpaling bersama2 dengan muka dari segala sesuatu melainkan kepada Allah, dan merasakan perasaan khushu' dan tawadzu' akan ka-agongan Allah.

Ini-lah perlu-nya Ugama Islam mengwajibkan Sembahyang kepada umat-nya. Dan ini-lah salah satu lathetan jiwa untuk mencapai ka-suchian, dan ketenteraman jiwa yang tentu-lah akan memberi kesan kepada watak dan tindak tandok sa-saorang dalam hidupnya.

Semakin jauh sa-saorang itu daripada mendampingi Tuhan, semakin jauh pula-lah ia-nya akan hanyut dalam lembah nafsu dan keinginan2 shahwatnya. Maka timbul-lah gejala2 yang merbahaya dalam masharakat, timbul-lah kumpulan2

(LIHAT MUKA 3)

SA-BAGAIMANA yang telah di ingatkan pada minggu yang lalu bahawa bulan ini ia-lah bulan Shaaban dan tidak berapa lama lagi kita akan berjumpa hari yang di-namakan malam "Nisfu Shaaban" yang mana jatuh pada malam 15 Shaaban.

Malam 15 Shaaban ini ia-lah suatu malam yang sentiasa di-ingati oleh orang2 Islam dari sejak dahulu hinggalah sekarang ini.

Menurut sejarah bahawa malam nisfu Shaaban ini-lah bermula-nya perubahan kiblat ia-itu daripada Baitulmukadis kepada Kaabah (Mekah), maka sudah sepatut-nya-lah malam yang berperistewa itu telah di-pilih menjadi satu daripada malam2 yang di-beri kelebihan istimewa kepada siap2 yang beramal. Ini telah di-terangkan di-dalam sa-buah hadith Nabi yang panjang di-antara-nya yang bermaksud:

"Bahawa Allah Subhanahu-wataala mengampunkan dosa2 orang yang meminta ampun pada malam itu dan memberi rahmat kepada orang yang memohon rahmat".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada seluruh umat muslimin supaya beramal pada siang dan malam-nya, mudah2an kita termasuk daripada orang2 yang berbahagia.

Sa-bagaimana di-ketahui bahawa nikmat2 Tuhan yang telah kita nikmati yang tidak dapat di-kira atau di-hitung,

Ibadat sembahyang dalam Islam

(DARI MUKA 2)

hippie, timbul-lah anak2 muda yang lebeh gemar membuang2 masa di-persimpangan jalan, timbul-lah kejadian2 jenayah rogol, churi, tunjok2 perasa'an yang melulu, timbul-lah penipuan, timbul-lah permainan2 judi dan sa-bagai-nya. Sebab orang2 yang melakukan kejahatan2 demikian sebenar-nya ada-lah sedang lupa kepada Tuhan. Batin-nya sudah tidak tertumpu lagi kepada Tuhan. Kerana tertautan-nya dengan Tuhan sudah lemah atau putus sama sekali.

Dr. HAMKA dalam buku-nya "Lembaga Budi" berkata: "Perhubungan hamba dengan Tuhan bukan-lah perhubungan buroh dengan majikan, tetapi perhubungan hamba dengan Tuhan. Pekerja'an yang di-kerjakan oleh hamba, bukan-lah pekerja'an Tuhan dan bukan kembali manafa'at-nya kepada Tuhan, tetapi peluang menafa'at-nya kepada hamba itu sendiri."

Kerana itu-lah apabila Ugama Islam kita menyuruh Sembahyang sa-bagai alat perhubungan antara hamba dengan Tuhan, bukan-lah faedah-nya terpulung kepada Tuhan, tetapi ia-lah kepada diri sa-saorang dan juga untuk kebaikan masyarakat dan negara di-mana orang itu ber-

tetapi tahukah kita bahawa di-sebalek nikmat2 itu apakah yang patut kita lakukan terhadap Allah untuk sentiasa nikmat2 itu kita nikmati dengan keredhaan Allah. Adakah di-antara kita maseh lagi mengikutkan hawa nafsu-adakah di-antara kita maseh lagi tidak mahu bersukor dan adakah di-antara kita yang maseh lagi berasa bangga dan takbor? — dan di-antara nikmat2 itu ia-lah makanan dan

tempat kediaman.

Dalam zaman pembangunan sekarang ini kita tidak mau pembangunan itu hanya dalam bentuk kebenda'an semata2, malahan pembangunan dari segi rohani dan jiwa hendaklah berjalan serentak. Dan untuk melahirkan satu angkatan akan datang yang di-harapkan akan mempunyai kesadaran terhadap tugas dan kewajiban-nya terhadap diri, bangsa dan negara-nya, kita perlu menanamkan ka-taqwa'an terhadap Allah, kerana dengan demikian kita boleh mengharapakan boleh mencaip kebahagiaan di-dunia dan akhirat.

Jadi, dengan ini biar-lah sama2 kita sedari betapa besar erti-nya Sembahyang sebagai alat penghubung antara diri kita dengan Allah s.w.t. yang sudah semesti-nya kita tunaikan dengan jujur dan ikhlas daripada masa kita maseh muda ini hingga-lah nanti kita menemui Allah. Dengan demikian mudah2an masyarakat kita akan sentiasa berdampingan dengan Tuhan yang mana akan sentiasa membawa-nya ka-jalan yang di-ridzai Allah. Tunaikan-lah kewajiban kita terhadap Ugama.

Sekian, wallahi taufik, wassalamu alaikum warahmatullah.

KEISTIMEWAAN MALAM NISFU SHAABAN

KHUTBAH JUMA'AT

"Bahawa Allah subhanahu-wataala mengampunkan dosa2 orang yang meminta ampun pada malam itu dan memberi rahmat kpd orang yg. memohon rahmat"

minuman.

Menurut sa-buah hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang menerangkan berkenaan dengan haram dan halal ini telah menyatakan bahawa sa-buah halal itu ada-lah nyata dan yang haram itu pun nyata — dan di-antara kedua2-nya ada perkara2 yang shubahat yang tidak di-ketahui oleh kebanyakan manusia. Barang siapa memelihara perkara shubahat, sesungguhnya-nya mereka memelihara ugama-nya dan penghormatan.

Oleh yang demikian, patutlah kita umat Islam berhati2 di-dalam perkara shubahat ini, terutama sekali makan dan minum di-kedai2 yang bukan Islam, kerana kita tidak mengetahui bahawa adakah kebersehan di-kedai2 itu menurut kebersehan yang di-iktirab oleh Ugama Islam dari segala segi. Moga2 kita terpelihara dari perkara shubahat yang akan juga memelihara kesucian Ugama dan kehormatan Orang2 Islam sendiri.

Pendaftaran

penuntut2 kelas

dewasa untok

pereksa Ugama

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Pelajaran Dewasa Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang mendaftarkan penuntut2 kelas dewasa diseluruh negeri yang ingin mengambil peperiksaan dalam berbagai perkara berkenaan Ugama Islam pada bulan Februari tahun depan.

Peperiksaan itu terbahagi kepada peringkat2 permulaan, menengah dan tertinggi.

Peperiksaan dalam peringkat permulaan akan di-adakan pada 13 Februari, sementara peperiksaan peringkat menengah pada 28 Februari dan tertinggi pada 27 Februari.

Sa-orang juruchakap Bahagian Pelajaran Dewasa Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, penuntut2 kelas dewasa yang ingin mengambil peperiksaan tersebut hendaklah mendaftarkan nama2 mereka dengan guru kelas masing2.

Pendaftaran itu yang di-mulakan pada 1 Oktober itu akan di-tutup pada 30 Oktober ini.

Juruchakap itu berkata persiapan2 sedang di-jalankan oleh jabatan itu untuk memileh tempat2 bagi mengadakan peperiksaan itu yang akan di-umumkan tidak lama lagi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Okt., 1969 hingga ka-hari Selasa 4 Nob. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
29 Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
30 Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
31 Okt.		12-10	2-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
1 Nob.		12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
2 Nob.		12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
3 Nob.		12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
4 Nob.		12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



29 Oktober, 1969

Pendalaman dengan kemudahan

SUDAH selalu benar di-perkatakan berhubung dengan usaha Kerajaan pada memperbaiki dan meninggikan taraf hidup penduduk pendalaman di-negeri ini. Bukan hanya sa-takat di-perkatakan sahaja, bahkan kenyataan sudah dapat di-lihat dari beberapa projek yang di-laksanakan yang tujuan-nya ada-lah semata2 untuk kebaikan penduduk di-luar bandar. Di-samping itu, hasrat penduduk yang berkehendakkan kemudahan bagi kelancaran penghidupan mereka telah juga di-beri layanan yang sa-timpal, malah boleh dikatakan lebih dari apa yang mereka kehendaki.


Projek jalan2 raya di-luar bandar sudah dapat membuktikan yang Kerajaan ada-lah melayani kehendak penduduk, bahkan jalan2 raya sa-umpama itu di-bena bagitu meluas dan menjalar dari satu kampung ke-kampung yang lain yang jauh-nya berputuh2 batu sa-hingga penduduk yang tidak pernah mimpi atau tidak terfikir untuk di-datangi jalan raya itu merasa kagum dengan dada yang terasa lapang dari tekanan2 sa-belum jalan2 itu di-bena dulu. Bagitu juga dengan pembinaan balai2 raya di-luar bandar yang dulunya di-idam2kan oleh penduduk yang berkehendakkan-nya untuk tujuan2 kebajikan seperti perjumpaan2, mengadakan keramaian2 dan lain2 lagi yang berhubung dengan kebajikan kampung.

Tetapi apakah guna-nya jalan2 raya itu dan perlukah balai2 raya itu di-pelihara dengan sebaik2-nya? Soalan sa-umpama ini tidak siapa yang sebaik2-nya untuk memberikan jawapan sa-lain dari penduduk yang di-bekalkan dengan kemudahan2 itu.

Jalan raya di-untukkan bagi memudahkan penduduk pendalaman berhubung dengan bandar dan menyenangkan lagi bagi mereka apabila membawa hasil2 pertanian dan lain2-nya untuk di-jual di-pasar2 atau terus menjual sendiri di-kawasan tamu yang sekarang sudah tidak terhad kepada hari2 yang tertentu. Jika perkara ini di-patohi ia-nya dapat juga mengelakkan orang ramai sa-bagai pembeli dari tekanan2 orang2 tengah yang mengambil keuntungan berlipat2 itu. Tetapi satengah2 penduduk telah menggunakan jalan2 raya itu dengan sebaik2-nya mereka ini tidak shak lagi telah berjaya mengubah penghidupan mereka dengan lebih baik lagi.

Berhubung dengan balai2 raya, ada satengah2-nya telah terbiar bagitu saja dan mungkin ada yang tidak di-gunakan langsung. Keadaan sa-umpama ini harus di-ambil perhatian yang berat oleh ketua2 kampung dan penghulu2 dan juga penduduk yang dulu-nya meminta supaya bangunan itu di-dirikan. Balai2 raya itu harus di-pelihara dan kawasan2-nya di-bersekan dan elokkan seperti yang di-lakukan di-satengah2 balai2 raya yang penduduk2-nya sedar akan kepentingan mereka.

Sa-tiap yang di-pinta, kemundian di-beri, maka yang memintanya harus berterima kasih bukan hanya sa-chara mulut saja, bahkan dengan pemeliharaan agar orang tidak merasa jera.



Perlawanan tinju antara tiga wilayah Borneo bulan depan

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei akan mengadakan kejohanan tinju antara tiga wilayah Borneo pada 8 dan 9 Nobember hadapan.

Perlawanan tahunan yang ke-empat di-antara negeri2 Sabah, Sarawak dan Brunei itu ada-lah bagi merebut Piala Sharikat Penerbangan Cathay Pasifik.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei. Masok menyaksikan perlawanan itu di-kenakan bayaran \$3.00 dan \$1.00.

Setia Usaha Persatuan Tinju Amateur Brunei, Awang S. Palaniandy berkata, Sabah dan Sarawak masing2 akan menghantar 10 orang peserta.

Awang Palaniandy menyatakan bahawa pada tahun ini peserta2 Brunei akan bertanding tanpa Awang Yunos bin Haji Tudin, johan fly-weight tiga wilayah pada tahun lalu. Beliau sekarang ini sedang berada di-luar negeri kerana menjalani latihan tentera.

Sementara abang beliau, Awang Mohammad bin Haji Tudin tidak dapat bertanding pada tahun ini kerana sebab2 kesihatan.

Awang Palaniandy menyatakan kedua2 ahli2 tinju yang handal itu akan di-gantikan dengan Awang Timbang dan Ahmad Rashid.

Beliau berkata, Terrance Boyd juga tidak dapat bertanding dan tempat-nya akan di-gantikan oleh Billy Ahmad.

Haji Raub dari pasokan Askar Melayu Di-Raja telah turun berat badan-nya dan akan bertandingan dalam bahagian fly-weight. Beliau akan bertemu dengan peserta yang handal dari Sabah, Peter Lobinjing.

Peter Lobinjing baru saja pulang sa-telah menyertai perlawanan tinju Kanak2 Sekolah di-negeri Jepun.

Membajak sawah dengan menggunakan motosikal? Bukan, mereka ini ia-lah dua orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan motosikal yang di-adakan di-Jalan Muara baru2 ini.

Di-depan ia-lah Awang Sabtu Ali yang telah mendapat tempat pertama dalam perlumbaan 13 pusingan dan tempat kedua dalam perlumbaan 7 pusingan, sementara mengikuti di-belakang ia-lah Awang Shamsuddin Idris yang telah mendapat tempat pertama dalam perlumbaan tujuh pusingan dan kedua dalam 13 pusingan.

Perlumbaan tersebut ada-lah projek bulanan Kelab Moto Di-Raja Brunei.

Penyemboran ubat DDT di-kampung2 di-Daerah Temburong

BANDAR BRUNEI. — Projek Penghapus Malaria akan menjalankan penyemboran ubat DDT di-enam buah kampung di-Daerah Temburong dan enam buah kampung di-Daerah Brunei-Muara dalam bulan hadapan.

Rombongan itu mula2 akan menyembor enam buah kampung di-Daerah Temburong mulai 5 Nobember hingga 12 Nobember.

Dari 15 Nobember hingga 29 Nobember rombongan itu akan menjalankan penyemboran di-enam buah kampung di-Daerah Brunei Muara.

Projek Penghapus Malaria telah menganggarkan sa-banyak 792 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor 286 buah rumah di-dua belas buah kampung itu.

Di-bawah ranchangan penyemboran ubat DDT itu se-

mua pondok dan bangunan2 baru akan di-semboakan dengan ubat DDT.

Lawatan pulis ka-ibu pejabat bomba

BANDAR BRUNEI. — Saramai 33 orang rekrud pulis dari Pasokan Pulis Di-raja Brunei akan melawat ka-Ibu Pejabat Bomba di - Bandar Brunei pada 4 Nobember.

Semasa lawatan itu mereka akan di-pertunjukkan berbagai2 aspek menchegeh kebakaran.

Mereka akan juga menyaksikan pertunjukan chara2 menyelamatkan dari bangunan tinggi dengan menggunakan alat perkakas menchegeh kebakaran.

Pada bulan lalu, lawatan serupa itu telah juga di-lakukan oleh 33 orang anggota pulis Di-Raja Brunei dari Sekolah Latihan Pulis di-Berakas.

TINJAUAN MENGENAI KAWASAN TEMPAT PENAROHAN KERETA DI-IBU KOTA

BANDAR BRUNEI. — Satu tinjauan untuk menentukan beberapa banyak kawasan tempat penarohan kereta yang di-perlukan di-ibu kota negeri akan di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Tinjauan yang di-selenggarakan oleh Bahagian Perancang Bandar itu akan melibatkan usaha mengumpulkan ma'alumat2 sama ada penghuni2 di-bangunan2 besar di-Bandar Brunei memiliki kereta dan memerlukan kemudahan2 penarohan kereta untuk kenderaan2 mereka sa-masa bekerja.

Pegawai Perancang Bandar, Awang S. Litherland berkata, dengan ma'alumat2 yang di-perolehi itu nanti, pehak perancang akan dapat menentukan sa-besar mana kawasan bagi penarohan kereta itu di-perlukan.

"Dengan ma'alumat2 itu juga mereka akan dapat merancang kemudahan2 penarohan kereta yang chukop pada masa akan datang", tambah beliau.

Awang Litherland berkata, dua orang pegawai dari Jabatan Kemajuan, Awang Sharbawi bin Haji Esmith dan Awang Peter Chin akan menemui penghuni2 di-beberapa buah bangunan di-ibu kota ini untuk mendapatkan butir2 yang di-perlukan itu.

Beliau menyeru kepada orang ramai yang terlibat supaya memberikan kerjasama dengan menjawab soalan2 yang di-kemukakan oleh dua orang pegawai itu bagi menentukan kejayaan tinjauan itu.

Pam2 ayer untuk kampung2 di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pejabat Daerah Belait akan membahagikan alat2 pam ayer ka-kampung2 di-daerah itu yang benar2 memerlukan-nya bagi kegunaan mengempam ayer untuk penduduk2 di-situ.

Sa-orang juruchakap Jabatan Daerah Belait berkata, alat pam ayer itu akan di-pasang di-kampung yang tidak mempunyai chukop ayer terutama sekali dalam musin kemarau.

Juruchakap itu berkata, 15 buah pam yang di-pesan oleh jabatan itu telah tiba baru2 ini.

Penyiasatan ka-atas tiga buah kampung di-Bukit Sawat telah pun di-jalankan sama ada kampung2 tersebut memerlukan pam2 itu.

Gambar atas menunjukkan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup (kiri) bersama2 dengan jurutera2 pemborong projek itu ketika melawat dan menyaksikan projek pembinaan jalan raya itu. Dan bawah sa-bahagian daripada jalan tersebut yang telah siap.



Tawaran bagi membekalkan batu kelikir tempatan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya sedang mengeluarkan tawaran bagi membekalkan batu kelikir tempatan kepada jabatan itu.

Ini ada-lah salah satu tawaran bagi membekalkan batu kelikir tempatan bagi kerajaan tahun ini.

Batu kelikir akan di-gunakan bagi pembinaan jalan2 raya di-seluruh negeri.

Tawaran pertama yang di-anggarkan berharga \$500,000 telah di-berikan kepada Butir Sendirian Berhad, Tawaran bagi membekalkan batu kelikir itu hampir2 tamat.

Jabatan Kerja Raya sekarang sedang menjalankan kerja2 membina jalan raya di-Daerah2 Belait, Tutong, Brunei-Muara.

Projek jalan raya di-Daerah Belait melibatkan pembinaan jalan baru sepanjang 27 batu termasuk jalan raya yang ada sekarang dari Bukit Puan ka-Rampayoh.

Di-Daerah Tutong, jabatan itu juga sedang membina jalan raya di-Lamunin.

Projek jalan raya Jabatan itu hendak menyatukan jalan raya melalui di-sepanjang sungai Brunei dengan Kampung Kapok sedang di-jalankan.

TEMBURONG. — Kira 2 25 peratus seluruh kerja pembinaan projek jalan raya baru sepanjang 44 batu di-Daerah Temburong, telah pun selesai.

Sa-telah 13 bulan di-jalankan kerja2 itu, tugas mem-bersihkan kawasan hampir2 selesai di-sepanjang jalan itu, dan ini membolehkan badan penasihat ia-itu Scott Wilson Kirkpatrick dan Rakan melaksanakan kerja2 menyelidik dan mengukur terakhir yang lengkap, dan rencana yang lengkap di-jangka di-siapkan akhir tahun ini.

Sharikat Gammons Tenggara Asia Berhad, pemborong projek hampir2 telah siap menjalankan kerja2 memotong dan menambak jalan sa-jauh 11 batu dari Bangar ka-Batang Duri. Jalan tersebut di-bina di-sepanjang lembah Sungai Temburong, ia-itu yang paling sukar pembinaan-nya.

Tiga buah jambatan di-sepanjang jalan itu sedang di-bina, ini ia-lah di-Sungai Selangan, Sungai Merutop dan Sungai Sibut.

Jalan2 baru itu pada keseluruhan-nya 26 kaki lebar dengan di-buboh aspal sa-lebar 16 kaki, sementara jambatan2 24 kaki lebar.

Kursus cheghah kebakaran bagi pengakap2 SMMP

BANDAR BRUNEI. — Saramai 11 orang pengakap dari Sekolah Menengah Melayu Pertama Pusat sedang menjalani kursus bagi mendapatkan lenchana kebakaran di Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di-Bandar Brunei.

Semasa menjalani kursus, pengakap2 itu akan di-beri sharahan2 mengenai berbagai chara melawan kebakaran.

Mereka juga akan menjalani latihan pratikal berkenaan chara2 menggunakan alat2 menchegeh kebakaran dan bagaimana hendak memelihara-nya.

Pengakap2 itu kemudian-nya akan di-uji di-ibu pejabat itu bagi menentukan sama ada mereka layak menerima lanchana tersebut.

KEMUKA anjorkan peraduan membacha Al-Quran dalam bulan Disember

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Kebajikan Muafakat Kampong Burong Pingai Ayer — KEMUKA akan menganjorkan peraduan membacha kitab suci Al-Quran dalam bulan Disember hadapan.

Setia Usaha Peraduan, Awang Apong bin Sarbun berkata, peraduan itu hanya terbuka kepada persatuan belia di-Daerah Brunei-Muara.

Beliau berkata, peraduan tersebut di-anjorkan bagi memperingati Nuzul Al-Quran dan juga projek tahunan persatuan tersebut.

Tiap2 persatuan hendaklah menghantar dua orang peserta sa-orang qari dan sa-orang qariah.

Bayaran masok bertanding di-kenakan sa-banyak \$2.00 tiap2 sa-orang.

Awang Apong menambahkan, qari2 dan qariah2 yang

telah berjaya mendapat tempat pertama hingga ke-empat dalam peraduan membacha Al-Quran perengkat Daerah Brunei-Muara tidak akan di-terima masok bertanding.

Borang2 masok bertanding telah di-bahagi2kan kepada persatuan2 belia di-daerah ini.

Borang2 yang telah di-isikan berserta bayaran masok bertanding hendaklah di-kembalikan sama ada kepada Setia Usaha Peraduan, Awang Apong bin Sarbun, di-Jabatan Pelajaran, Awang Tuah bin Ahmad, SMMP, SMJA, Padang atau Awang Yassin bin Hassan, di-Sekolah Melayu Pusuar Ulak, Bandar Brunei.

Dua buah jambatan baru bagi kampung Sungai Teraban

KUALA BELAIT. — Pejabat Daerah Belait telah selesai membena dua buah jambatan di-Kampung Sungai Teraban Kuala Belait baru2 ini.

Jambatan yang panjangnya masing2 102 kaki dan 60 kaki itu ada-lah bagi menggantikan jambatan bailey yang di-bena oleh Sharikat Minyak Shell dalam tahun 1963.

Pembenaan dua buah jambatan itu ia-lah projek luar bandar Pejabat Daerah dan ia-nya menelan belanja sa-banyak \$5,214.00.

Gambar atas menunjukkan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Jaafar (di-tengah2) ketika memeriksa salah sa-buah dari jambatan di Kampung Sungai Teraban itu.



Pepereksaan2 bahasa Jepun dan China

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 22 orang penuntut kelas dewasa akan mengambil pepereksaan dalam bahasa Jepun, hari ini dan esok, 30 Oktober.

Pepereksaan itu terbahagi kepada dua bahagian — ia-itu tingkatan permulaan dua dan empat.

Empat belas orang akan mengambil pepereksaan dalam tingkatan permulaan dua dan yang lain-nya dalam tingkatan empat.

Pepereksaan tersebut diadakan di-Sekolah Melayu Pusuar Ulak Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell Seria.

Sementara itu 33 orang penuntut akan mengambil pepereksaan dalam bahasa China pada 30 dan 31 Oktober ini.

Sa-ramai 29 orang chalu, akan mengambil pepereksaan tersebut bagi tingkatan permulaan dua dan empat yang lain-nya tingkatan permulaan empat.

Pepereksaan itu akan berlangsung di-Sekolah Melayu Pusuar Ulak Bandar Brunei dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Kuala Belait.

Dua buah jambatan siap di-bena

BANDAR BRUNEI. — Pembenaan jambatan kayu sepanjang 120 kaki di-Sungai Kilanas, bagi menghubungkan Kampung Kilanas dengan Kampung Bebatik di-Daerah Brunei-Muara, telah pun selesai.

Ia-nya menelan belanja kira2 \$20,000 dan di-bena di-bawah

ranchangan kemajuan luar bandar daerah itu.

Sa-buah lagi jambatan di-Sungai Damuan, panjangnya 60 kaki berharga kira2 \$13,000, juga sudah pun siap baru2 ini.

Jambatan itu boleh di-gunakan oleh kenderaan yang beratnya tidak lebih dari lima tan.



Hadhiri kursus pemimpin di-S'pura

Gambar atas menunjukkan 11 dari 14 orang pemimpin Pandu Puteri Brunei yang telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk menghadiri kursus pemimpin Pandu Puteri di-republik itu.

Rombongan yang di-ketuai oleh Dayang Zainon bte Abdul Latif, Pesuruhjaya Penyusun Pandu Puteri (no tiga dari kiri) itu ada-lah terdiri lapan orang dari Daerah Belait dan enam orang dari Daerah Brunei-Muara.

Kursus yang di-anjorkan oleh Persatuan Pandu Puteri Singapura itu di-jadualkan berakhir pada 31 Oktober ini.

Rombongan pengambilan rekrut2 baru AMDB

BANDAR BRUNEI. — Rombongan pengambilan orang2 baru dari Askar Melayu Di-Raja Brunei akan melawat ka-beberapa buah kampung di-negeri ini untuk menemuduga pemuda2 yang ingin berkhidmat dengan pasukan itu.

Pada hari ini, 29 Oktober, rombongan tersebut akan berada di-Kampung Beribi, pada 30 Oktober di-Kampung Mata-Mata dan pada 31 Oktober di-Rimba Gadong.

Rombongan pengambilan orang2 baru itu juga akan melawat ka-Kampung Lumapas pada 2 Nobember dan Kampung Kasat pada 4 Nobember.

P e g a w a i Pengambilan orang baru2 Askar Melayu Di-

Raja menyeru kepada pemuda2 yang ingin berkhidmat dengan pasukan itu supaya berjumpa dengan rombongan itu apabila mereka melawat ka-kompong2 mereka pada masa yang di-tentukan.

Perlawanan akhir Sepak raga jaring anjonan PGGMB

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan akhir Sepak Raga Jaring akan diadakan di Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada hari Juma'at 31 Oktober mulai jam 7.30 malam.

Perlawanan yang ke-lapan anjonan Persekutuan Guru Guru Melayu itu ada-lah sabahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun.

Perlawanan itu akan di-mulakan dengan perlawanan2 separoh akhir antara pasukan PERKASA 'B' dan Persatuan Pergerakan Belia Bersatu Tasek Meradun 'B' dan Pasukan INSAP 'B' dengan KUBU 'A'.

Tiga buah pasukan ia-itu BAKTI, PERKASA dan INSAP akan bertanding dalam perlawanan sepak raga bulatan.

Perlawanan persahabatan di-antara pasukan PERKASA 'A' dengan PERKASA 'B' juga akan di-adakan.

Perlawanan itu akan di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Persekutuan Guru Guru Melayu Brunei, Awang Shahbuddin bin Saleh dan hadiah akan di-sampaikan oleh Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Mohd. Limbang.

Tiket masuk untuk menyaksikan perlawanan yang berharga \$1.00 sekarang ini boleh di-dapati dari Awang Mohammad bin Mohd. Taha, SMMP, Awang Tuah bin Kadir, di-Bahagian Bangunan Jabatan Kerja Raya, Awang Masni bin Haji Hussein, SMJA, Padang, Awang Idris bin Abdul Hamid di-Sekolah Melayu Pusu Ulak dan Awang Damit bin Sulaiman, Jabatan Pelajaran Bandar Brunei.

Jawatan-Jawatan Kosong Sa-bagai Ketua Penterjemah DBP

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Penterjemah di - Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

a) Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat Perengkat Tertinggi (Principal Level) dalam bahasa Melayu dan lulus dalam Kertas 'Am atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman menterjemah sa-lama sekurang2 - nya 10 tahun; atau

b) Mempunyai Sijil Persekolahan Sebarang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris a t a u kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman menterjemah sa-lama sekurang2-nya 15 tahun; atau

c) Mempunyai kelulusan University yang di-akui oleh Kerajaan atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan Gaji C. 3 EB 4 — \$930 x 30 — 1050/EB/ 1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan r a a y a t D.Y.M.M. Sultan akan di-beri berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek adalah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½%

daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Noverber, 1969.

Sa-bagai Penjaga Asrama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 wanita yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penjaga Asrama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumur di - antara 35 hingga 45 tahun.

(b) M e s t i lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu dan Tingkatan II Inggeris dan juga Darjah V Sekolah Ugama.

Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang mempunyai kelayakan2 berikut boleh juga memohon:—

(a) Mesti berumur di-antara 35 hingga 45 tahun dan telah berkhidmat sekurang2-nya s a - l a m a 15 tahun;

(b) Mesti lulus Darjah

IV M e l a y u dan mempunyai pengalaman sa-bagai guru sekolah atau sa-bagai pegawai Pandu Puteri.


Pemohonan2 daripada Pegawai2 K e r a j a a n yang sedang berkhidmat hendak - lah di-hantar kan melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB 4-5 — \$380 x 30/ 480/EB/500 x 20 — 700. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 6 Noverber, 1969.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN "JURU"

Gambar kanan menunjukkan ketika istiadat mengurniakan gelaran Juru kepada Hajjah Dayang Muara binte Sulaiman (di-tengah2) yang telah berlangsong di-Istana Darul Hana baru2 ini.

Surat lantekan telah di-bachakan oleh Dayang Maisalamah bte Mohd. Tahir (kiri).

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Bini, isteri kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan pegawai2 Istana.



Kerja memperbaiki Jalan Penanjong telah selesai

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya telah menyiapkan kerja2 memperbaiki jalan raya, dari simpang batu 26 Jalan Brunei-Tutong, ka-pantai Penanjong di-Daerah Tutong.

Pengarah Kerja Raya Dato R. Waddel berkata, jalan sepanjang dua batu itu di-bena dengan menelan belanja kira2 \$540,000.

Satu lagi kerja oleh jabatan itu yang juga telah siap baru2 ini, ia-lah penanaman rumput2 di-sepanjang tepi ka-dua2 bahagian jalan Kota Batu di-Daerah Brunei.



Gambar atas menunjukkan ketika di-jalankan kerja2 menanamkan paip ka-dalam tanah yang menghubungkan alat pengepam itu. Perchubaan ini di-jalankan di-Kampung Terunjing, tetapi tidak berjaya.

Perchubaan bagi membekalkan ayer dengan menggunakan pam

BANDAR BRUNEI. — Usaha2 untuk membekalkan ayer ka-kampung2 yang susah di-datangi ayer sedang di-jalankan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara di-bawah ranchangan Perkembangan Luar Bandar-nya.

Sa-orang juruchakap Jabatan Daerah berkata bahawa pembekalan itu ia-lah dengan chara penggunaan sa-buah alat pengepam yang boleh di-tempatkan di-kawasan tanah yang berhampiran dengan rumah2 penduduk2 yang susah di-bekalkan ayer sa-chara menggunakan saloran paip ayer seperti yang di-dapati oleh rumah2 yang berhampiran dengan bandar.

Yang mula2 sekali menggu-

nakan alat pengepam ayer ini ia-lah Daerah Belait atas usaha bekas Pegawai Daerah itu, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail yang pada masa ini memegang jawatan sa-bagai Penulong Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Brunei.

Daerah Belait menggunakan pam ayer tersebut sejak awal tahun ini dan pada masa ini sa-bilangan besar kampung2 pendalaman-nya telah menggunakan pam ayer itu untuk bekalan ayer mereka sa-hari2.

Ayer yang di-keluarkan melalui pam dari dalam tanah sepanjang 12 kaki itu boleh mengeluarkan ayer sa-banyak empat gilin pada tiap2 satu minit.

Pam ayer itu juga mempunyai alat penapis yang di-namakan "fine screen well point and pump" dan sa-bahagian-nya telah di-buat di-Kuala Belait yang telah di-sesuaikan dan di-reka bentuk-nya oleh bekas Pegawai Daerah itu.

Perbelanjaan bagi membekalkan sa-buah alat pengepam itu hanya sa-banyak \$100.00.

Di-Daerah Brunei dan Muara kejayaan yang memuaskan dengan menggunakan alat itu telah di-chapai dekat Pantai Muara, tetapi perchubaan yang di-jalankan di-Kampung Tungku Gadong telah tidak dapat mengeluarkan ayer yang mencukupi.

Perchubaan yang di-jalankan di-Kampung Terunjing, Jalan Berakas belum lama dulu telah gagal, tetapi pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara akan menjalankan perchubaan2 yang lain di-beberapa buah kampung lagi.

Peraduan fotografi Persatuan Pelancong

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pelancong Brunei akan menganjurkan peraduan fotografi untuk memilih gambar2 yang sesuai dan "slide2" berwarna bagi risalah pelancong yang di-ura2kan.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, gambar2 yang sesuai dan slide2 berwarna yang di-terima itu akan menjadi hak kepunyaan persatuan itu.

Kata-nya gambar2 dan slide2 hendak-lah menggambarkan sama ada pemandangan tempatan atau orang di-negeri Brunei.

Gambar2 yang di-pilih mendapat tempat pertama akan diberi hadiah \$25.00, kedua — \$15.00 dan ketiga — \$5.00, sementara slide2 berwarna yang di-pilih akan di-beri hadiah \$30.00 — pertama, \$20.00 — kedua dan \$10.00 ketiga.

Semua gambar2 dan slide2 hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Persatuan Pelancong Brunei (Peraduan Fotografi) peti surat 701, Bandar Brunei tidak lewat dari 1 Disember, 1969.

BERKURSUS DI-H.K.



Awang Mohd. Ali

BANDAR BRUNEI. — Pengadil Kelas Satu, Awang Mohammad Ali bin Daud akan berlepas ka-Hong Kong pada 1 Nobember hadapan untuk menjalani kursus sa-lama enam bulan di-Mahkamah Tinggi di-tanah jajahan itu.

Semasa menjalani kursus, Awang Mohamad Ali akan mempelajari semua aspek yang berhubung dengan perkara2 kehakiman termasuk tugas ketua dalam bilek pengadilan, pegawai penanggoahan, pentadbiran dan pengsahan wasiat dan kerja2 menganai pendaftaran.

Beliau juga akan mempelajari kerja2 yang di-lakukan oleh Setia Usaha Kehakiman dalam urusan tabong mahkamah dan pentadbiran am kehakiman.

Awang Mohd. Ali mula berkhidmat dengan kerajaan dalam tahun 1966 sa-telah tamat pengajian-nya dari Birmingham University, England dengan memperolehi ijazah LLB.